

RPTM terjemahan falsafah mendalam 'Rethinking Ourselves'



Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan

Oleh Prof Dr Mohd Afandi Mat Rani
bhrencana@bh.com.my

Banyak diperkatakan mengenai kandungan Rancangan Pendidikan Negara (RPN) khasnya Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 20 Januari lalu.

Bagaimanapun, belum ada analisis menghubungkan asas intelektual RPTM dengan gagasan pemikiran Perdana Menteri dalam bukunya *Rethinking Ourselves: Justice, Reform and Ignorance in Postnormal Times* yang menelusuri persoalan keadilan, reformasi dan tanggungjawab moral dalam era ketidakpastian sistemik.

Dalam kerangka 'pascanormal', Perdana Menteri dalam buku beliau menegaskan dunia hari ini berada dalam fasa peralihan. Kita tidak lagi sepenuhnya berada dalam kerangka lama, namun belum mempunyai aturan baharu yang stabil untuk dijadikan sandaran.

Keadaan 'tidak pasti' ini menuntut pemikiran semula mendasar terhadap institusi sosial utama dan pendidikan tinggi antara institusi terpenting tidak boleh terlepas daripada proses muhasabah ini.

RPTM muncul sebagai jawapan dasar menzahirkan pemikiran itu selaku projek pembinaan makna untuk negara, bagaimana pendidikan tinggi membentuk manusia, masyarakat dan masa depan dalam dunia yang 'saling berhubung tetapi rapuh'.

Pengalaman pelaksanaan PPPM 2015-2025, pandemik COVID-19 serta peralihan politik mendedahkan keperluan menilai semula keutamaan dan ketahanan sistem.

Justeru, RPTM digarap sebagai dokumen hidup mencerminkan kerendahan ilmu pengetahuan terkandung dalam *Rethinking Ourselves*.

10 lonjakan strategik pacu matlamat

Bagi mencapai fokus pendidikan tinggi baharu, RPTM menggariskan 10 lonjakan strategik untuk membentuk pembinaan negara berpaksikan kemusiaan dan dipacu matlamat demi masa hadapan harmoni, makmur, maju dan mampan.

Dalam bahasa *Rethinking Ourselves*, lonjakan ini boleh dibaca sebagai kompas tindakan memindahkan wacana moral dan reformasi kepada pembinaan institusi.

- Lonjakan 1: Pembelajaran berpaksikan kemusiaan, berciri keusahawanan dan adaptif

RPTM meletakkan pembinaan insan beretika, berdaya tahan dan bermatlamat sebagai teras reformasi pendidikan tinggi, sejajar dengan *Rethinking Ourselves* menegaskan perubahan tidak boleh bersifat mekanikal.

- Lonjakan 2: Bakat berprestasi tinggi dipacu matlamat

RPTM menegaskan reformasi pendidikan tinggi tidak akan hidup tanpa bakat institusi pengajian tinggi (IPT) berintegriti, sejahtera dan bergerak atas misi bersama.

Ini selari dengan *Rethinking Ourselves* perubahan institusi mesti bermula daripada budaya nilai, bukan sekadar arahan sistem.

- Lonjakan 3: Kompetensi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) termaju

TVET diletakkan sebagai laluan bermaruah membina negara, melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi relevan dengan realiti industri dan masa depan. Dalam roh *Rethinking Ourselves*, kompetensi bukan sekadar produktiviti, tetapi keadilan

peluang dan mobiliti sosial.

- Lonjakan 4: Kemampuan kewangan

RPTM membawa agenda kelestarian kewangan supaya IPT kekal berfungsi, berkualiti dan berdaya tahan tanpa menafikan akses saksama. Ini menguatkan hujah *Rethinking Ourselves* keadilan mesti dibina dalam struktur.

- Lonjakan 5: Tadbir urus tangkas dan berdaya tahan

RPTM mengangkat tadbir urus lebih telus, inklusif dan responsif supaya IPT mampu bertahan dalam era ketidakpastian politik dan krisis. Seiring *Rethinking Ourselves*, institusi kuat berani membetulkan diri dan menjaga amanah.

- Lonjakan 6: Pelan Hala Tuju Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi Negara (RDICE) bertanggungjawab

Penyelidikan dan inovasi ditekankan sebagai pemacu kemajuan, tetapi mesti dipandu etika, akauntabiliti dan impak sosial-bumi. Ini tepat dengan amaran *Rethinking Ourselves* bahawa ilmu tanpa moral boleh menjadi alat ketidakadilan.

- Lonjakan 7: Keunggulan global

Keunggulan global dibina melalui kualiti, keterangkuman dan kebolehppercayaan, bukan sekadar mengejar angka atau ranking. Dalam kerangka

Rethinking Ourselves, maruah dan nilai ialah syarat untuk 'diiktiraf'.

- Lonjakan 8: Pendidikan fleksibel dan pembelajaran sepanjang hayat

RPTM mengiktiraf pembelajaran bukan lagi episod, tetapi perjalanan dengan laluan lebih anjal, modular dan berterusan sepanjang kehidupan. Ini seiring dengan *Rethinking Ourselves* bahawa manusia perlu dilatih mengurus perubahan, bukan hanya menghafal kepastian.

- Lonjakan 9: Kemampuan dan kesihatan bumi

Kemampuan diarusperdanakan sebagai agenda pendidikan, penyelidikan dan budaya kampus kerana masa depan bangsa terikat pada kesihatan bumi. Seperti semangat *Rethinking Ourselves*, kemajuan memusnahkan asas kehidupan adalah 'kemajuan tersasar'.

- Lonjakan 10: Penyampaian responsif dan dinamik

RPTM menutup jurang 'dokumen cantik, pelaksanaan lemah' menerusi penekanan kepada penyelarasan, kolaborasi dan keupayaan penyampaian yang konsisten. Dalam bahasa *Rethinking Ourselves*, reformasi bermakna ialah memberi kesan kepada manusia sebenar.

Tiga gelombang transformasi

RPTM juga melaksanakan transformasi pendidikan tinggi secara berperingkat melalui tiga gelombang, sekali gus mencerminkan falsafah reformasi perlu berbasas, membina kapasiti dan mengelakkan kejutan sistem.

Gelombang Cetus (2026-2028) meletakkan akar nilai melalui pembelajaran beretika, kesejahteraan, keterangkuman dan pengukuhan tadbir urus. Dalam istilah *Rethinking Ourselves*, inilah fasa memulihkan kompas moral dan institusi.

Gelombang Pacu (2029-2031) mempercepat reformasi dengan menggerakkan inovasi, pendidikan fleksibel, kerjasama industri-komuniti dan integriti kemampuan sebagai amalan. Secara falsafah, ini ialah fasa 'menggerakkan sistem'.

Gelombang Tingkat (2032-2035) memantapkan hasil reformasi meletakkan Malaysia sebagai peneraju pendidikan tinggi berdaya saing, terangkum dan mampan. Dalam bacaan *Rethinking Ourselves*, inilah fasa 'pementapan peradaban'.

Ringkasnya, RPTM ialah terjemahan dasar kepada falsafah digariskan dalam *Rethinking Ourselves*. Ia memindahkan perbincangan mengenai pasca normal, keadilan dan tanggungjawab moral daripada ranah wacana intelektual kepada kerangka institusi, lonjakan strategik dan pelaksanaan berperingkat nyata serta boleh diukur.

"Dalam kerangka 'pascanormal', Perdana Menteri dalam buku beliau menegaskan dunia hari ini berada dalam fasa peralihan. Kita tidak lagi sepenuhnya berada dalam kerangka lama, namun belum ada aturan baharu yang stabil untuk dijadikan sandaran"

